

## **DASAR PRIVASI**

### **NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

Kim Hin Industry Berhad (termasuk apa-apa anak syarikat dalam masa hadapan, syarikat-syarikat berkaitan dan entiti dikawal bersama) (" Kim Hin") menyedari kepentingan privasi dan sensitiviti data. Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta"), notis ini ("Notis") adalah untuk memaklumkan kepada anda bagaimana kami mengumpul dan memproses data peribadi anda.

Dengan membekalkan kami data peribadi anda, dengan mengakses dan /atau menggunakan laman web kami, dengan berinteraksi dengan kami atau dengan melibatkan kami untuk menyediakan apa-apa perkhidmatan kepada anda, anda bersetuju membenarkan kami mengumpul dan memproses data peribadi anda dengan cara yang dinyatakan di dalam Notis ini.

Notis ini boleh dipinda dan diubahsuai dari masa ke semasa. Kami menasihatkan anda untuk memeriksa laman web kami di [www.kimhin.com.my](http://www.kimhin.com.my) dari masa ke semasa bagi sebarang pindaan atau pengemaskinian kepada Notis ini. Sekiranya anda terus berkomunikasi dengan kami, mengakses dan/atau menggunakan laman web kami, melibatkan kami untuk menyediakan perkhidmatan kepada anda, ia akan mengesahkan persetujuan dan penerimaan anda kepada pindaan atau pengemaskinian kepada Notis ini.

#### **Jenis-jenis Data Peribadi**

**Data peribadi** adalah ditakrifkan di bawah Akta sebagai apa-apa maklumat berkenaan dengan transaksi komersial yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang subjek data, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu atau daripada maklumat itu dan maklumat lain dalam milikan seorang pengguna data, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan penyataan pendapat tentang subjek data itu;

**Data peribadi yang sensitif** ertinya apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seorang subjek data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau pengataan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya atau apa-apa data peribadi lain yang ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta;

**Penyataan pendapat** termasuk suatu kenyataan fakta yang tidak dapat ditentusahkan atau dalam segala hal keadaan mengenai hal itu penentusahannya tidak dapat dilaksanakan

#### **Pengumpulan Data Peribadi**

Data Peribadi yang dikumpul dan diproses (kini dan pada masa hadapan dari masa ke semasa) boleh termasuk (bergantung kepada hubungan komersial anda dengan kami) tetapi

tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan (NRIC No.), nombor pasport, kewarganegaraan, umur, alamat, nombor telefon, nombor faks, maklumat bank, jantina, tarikh lahir, benda yang dimininati secara peribadi, alamat e-mel, pekerjaan anda, jawatan anda dalam syarikat anda, butir-butir syarikat anda, industri di mana anda bekerja, apa-apa maklumat mengenai anda yang anda berikan kepada Kim Hin dalam borang pendaftaran, borang permohonan, dan apa-apa borang yang serupa dan/atau apa-apa maklumat mengenai anda yang telah atau mungkin dikumpul, disimpan, digunakan dan diproses oleh Kim Hin dari masa ke semasa dan termasuk data peribadi yang sensitif dan juga pernyataan pendapat.

Pembekalan Data Peribadi anda adalah secara sukarela. Walau bagaimanapun jika anda tidak memberi Data Peribadi anda kepada Kim Hin, Kim Hin tidak akan dapat memproses Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di bawah.

Data yang diminta oleh kami adalah wajib yang mana anda mesti membekalkan kepada kami dan bersetuju dengan pemrosesan data yang wajib itu, kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kami tidak akan dapat meluluskan atau membenarkan anda untuk meneruskan keahlian anda atau menyediakan anda maklumat, kemas kini, produk atau perkhidmatan yang anda minta .

### **Sumber di mana Data peribadi boleh diperolehi**

Selain daripada Data Peribadi yang anda berikan kepada Kim Hin secara langsung atau di bawah jenama Kim Hin masing-masing, Kim Hin kemungkinan memperoleh Data Peribadi anda daripada pelbagai sumber seperti:

- Borang permohonan, borang maklum balas, borang pendaftaran atau borang lain yang serupa;
- Dari forum media sosial Kim Hin termasuk tetapi tidak terhad kepada halaman Facebook, jika anda mengikuti ("follow"), suka ("like") atau menjadi seorang peminat ("fan") laman tersebut;
- Apabila anda berinteraksi dan berkomunikasi dengan Kim Hin melalui butir-butir hubungan kami, pusat panggilan, talian penjagaan, penganjur dan penasihat;
- Dengan menggunakan laman web Kim Hin atau laman yang berkaitan, yang merangkumi semua laman web yang dikendalikan oleh Kim Hin dan di bawah jenama masing-masing ("laman web"). Senarai laman web boleh didapati di direktori Perniagaan di "<http://www.kimhin.com.my>"; dan
- "Cookies" yang digunakan di laman web.

## Tujuan Pemrosesan

Kim Hin mungkin menggunakan dan memproses Data Peribadi anda untuk aktiviti-aktiviti dan perniagaan Kim Hin yang termasuk tanpa had berikut ("**Tujuan tersebut**"):

- Untuk melaksanakan tanggungjawab Kim Hin yang berkenaan dengan apa-apa kontrak yang dibuat dengan anda;
- Untuk memberi anda segala perkhidmatan atau produk yang diminta;
- Memproses permintaan/pesanan anda dan menyampaikan permintaan/pesanan kepada anda;
- Memproses pembelian dan/atau permintaan anda;
- Memproses penyertaan anda dalam mana-mana acara, aktiviti, kumpulan fokus, pertandingan, promosi;
- Memproses, mengurus atau mengesahkan permohonan anda untuk langganan dengan Kim Hin dan untuk memberikan anda manfaat yang ditawarkan kepada pelanggan/ahli kami;
- Untuk mengesahkan pembelian anda dan proses pembayaran yang berkaitan dengan mana-mana produk atau perkhidmatan yang anda minta;
- Untuk memahami dan menganalisis jualan kami serta keperluan dan pilihan anda;
- Membangunkan, meningkatkan dan menyediakan produk dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan anda;
- Memproses pertukaran atau pemulangan produk; dan

Secara umumnya, untuk:

- menjawab soalan-soalan, komen dan maklum balas daripada anda;
- berkomunikasi dengan anda untuk mana-mana tujuan yang disenaraikan dalam Notis ini;
- Untuk tujuan pentadbiran dalaman seperti audit, analisis data, rekod pangkalan data;
- Untuk tujuan pengesanan, pencegahan dan pendakwaan jenayah; dan
- Untuk Kim Hin mematuhi obligasinya di bawah undang-undang;

Jika anda tidak bersetuju untuk membenarkan Kim Hin memproses Data Peribadi anda untuk Tujuan tersebut, sila memaklumkan kepada Kim Hin menggunakan butir-butir hubungan yang dinyatakan di bawah.

### **Pemindahan Data Peribadi**

Data Peribadi anda boleh dipindahkan untuk diproses dalam bidang kuasa lain selain Malaysia, kepada syarikat-syarikat di bawah Kim Hin yang terletak di luar Malaysia dan/atau di mana "server" Kim Hin terletak di luar Malaysia. Anda memahami dan bersetuju dengan pemindahan Data Peribadi ke luar Malaysia sebagaimana yang dinyatakan di dalam ini.

### **Pendedahan kepada Pihak Ketiga**

Data Peribadi anda boleh dipindahkan atau didedahkan kepada pihak ketiga bagi Tujuan tersebut. Selanjutnya, Kim Hin mungkin melibatkan syarikat-syarikat lain, pembekal perkhidmatan atau individu untuk melakukan fungsi-fungsi bagi pihaknya, dan seterusnya boleh memberi akses atau pendedahan Data Peribadi anda kepada pembekal perkhidmatan atau pihak ketiga. Pihak-pihak ketiga yang disebut dalam seksyen ini termasuk (tanpa had): -

- Ejen penghantaran seperti ejen perkhidmatan kurier, posmen ;
- Syarikat penyelidikan pemasaran ;
- Pembekal perkhidmatan, termasuk teknologi maklumat (IT), pembekal perkhidmatan infrastruktur, perisian dan kerja kemajuan;
- Pelayan web dan pengurus (Web server hoster and manager), pengurus hubungan pelanggan, syarikat-syarikat pengurusan kandungan;
- Penasihat profesional dan juruaudit luar, penasihat undang-undang , penasihat kewangan dan perunding ;

Data Peribadi anda juga boleh didedahkan dalam aktiviti harian operasi perniagaan dan juga berkaitan dengan urus niaga korporat, seperti penjualan anak syarikat atau pembahagian, penggabungan, penyatuan, atau jualan aset, atau di dalam kemungkinan untuk penggulungan .

### **Akses & Pembedulan**

Tertakluk kepada apa-apa pengecualian di bawah undang-undang yang terpakai, anda boleh meminta akses kepada dan/atau meminta pembetulan terhadap Data Peribadi anda dan/atau untuk menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini dan/atau membuat sebarang pertanyaan mengenai Data Peribadi anda dengan menghubungi: -

#### Pasukan Perlindungan Data Peribadi

No. Telefon: 082-451567

Waktu Operasi: Isnin –Jumaat (kecuali hari cuti) 8 pagi- 5.30 petang

Alamat: 4 ½ Mile, Kung Phin Road, Off Penrissen Road, 93250 Kuching, Sarawak.

Kim Hin merizabkan haknya untuk mengenakan bayaran untuk akses Data Peribadi anda dalam jumlah yang dibenarkan di bawah undang-undang.

Berkenaan dengan hak anda untuk meminta untuk akses dan/atau permintaan untuk membetulkan Data Peribadi anda, Kim Hin mempunyai hak untuk menolak permintaan tersebut berdasarkan sebab-sebab yang dibenarkan di bawah undang-undang, seperti di mana perbelanjaan dalam menyediakan akses kepada anda adalah tidak seimbang dengan risiko kepada anda atau privasi orang lain.

Jika anda tidak mahu untuk Data Peribadi yang akan dikumpul melalui "cookies" di laman web , anda boleh menyahaktifkan "cookies" dengan melaraskan tetapan pelayar internet anda untuk melumpuhkan, blok atau menyahaktifkan "cookies", dengan memadamkan sejarah pelayaran anda dan membersihkan "cache" dari pelayar internet anda.

#### **Pautan ke Laman Web Pihak Ketiga**

Laman-laman web mungkin mengandungi pautan ke laman-laman web pihak ketiga. Sila ambil perhatian bahawa Kim Hin tidak bertanggungjawab untuk pengumpulan, penggunaan dan/atau pendedahan Data Peribadi oleh pihak ketiga. Jika anda memberi Data Peribadi anda terus ke laman-laman web tersebut , dasar privasi dan syarat-syarat perkhidmatan di situ berkaitan dan Kim Hin tidak bertanggungjawab untuk amalan pemprosesan atau dasar privasi laman-laman tersebut .

#### **Obligasi untuk Menyediakan Data Peribadi**

Kami mengakui bahawa anda mempunyai hak untuk menentukan Data Peribadi yang anda ingin berikan kepada kami. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa jika anda tidak memberi Data Peribadi anda atau menghadkan cara data itu diproses, ia berkemungkinan menghalang keupayaan kami dan/atau pelaksanaan perkhidmatan kami kepada anda, dan memenuhi Tujuan tersebut sebagaimana yang dinyatakan di dalam Notis ini.

Kami percaya bahawa anda bersetuju dengan syarat-syarat di atas berkenaan dengan pemprosesan Data Peribadi anda oleh kami. Sekiranya anda tidak menghubungi kami dalam tempoh empat belas ( 14) hari dari Notis ini , kami akan menganggap bahawa anda telah memilih untuk masuk. Sila hubungi pasukan Perlindungan Data Peribadi kami jika anda ingin memilih untuk keluar. Dalam apa jua keadaan, anda boleh menghubungi pasukan kami sekiranya anda ingin mendapat penjelasan mengenai apa-apa syarat yang terkandung di dalam Notis ini, dasar polisi yang dikemaskini dan pindaan akan datang yang berkaitan dengan Notis ini.

Polisi ini boleh didapati di dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Sekiranya berlaku percanggahan atau ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.